

SINAK (Bera) Khamis (6/10/08 - P10 **Program Rakan Muda berjaya eratkan hubungan**

FELDA BUKIT PUCHONG -

Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT 2008 yang diadakan di perkampungan Felda di sini berjaya mengeratkan hubungan antara penduduk dengan penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Mohamad Amin Sardi, berkata program selama tiga hari itu melibatkan seramai 40 orang penuntut UMP.

Menurutnya, pelbagai aktiviti telah dijalankan bersempena program itu yang keseluruhannya lebih menjurus kepada aktiviti kemasyarakatan.

Katanya, kedua-dua pihak telah membina satu perhubungan yang baru, dan mereka saling berkongsi idea dan pendapat walaupun terdapat perbezaan umur di antara mereka.

“Kehadiran penuntut-penuntut ini, memberi inspirasi kepada anak-anak muda terutamanya yang masih bersekolah supaya dapat menyimpan hasrat untuk berjaya seperti mereka.

“Malah, penuntut UMP ini memberi motivasi kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) supaya minda pelajar sekolah ini dapat diasah untuk berminat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi,” katanya kepada Sinar Harian.

Mohamad Amin berkata, JKKK mengambil kesempatan mengatur aktiviti kesenian dan kebudayaan dengan memberi laluan kepada penuntut UMP ini membuat persembahan supaya dapat mempromosikan serta memperkenalkan universiti itu kepada umum.



Kesemua pelajar telah dibahagikan untuk menetap di rumah keluarga angkat yang terpilih telah berjaya mewujudkan hubungan yang baik selain dapat bertukar-tukar fikiran.